



Operasi padam kebakaran hutan paya gambut jalan lancar

Oleh **Mohd Rafi Mamat** - April 27, 2023 @ 5:22pm
bhnews@bh.com.my



Ismail (kiri) dan Wan Samsul Effendi meninjau operasi memadam kebakaran hutan paya gambut di Jalan Pekan-Nenasi dekat Sungai Miang.- Foto NSTP/Mohd Rafi Mamat

PEKAN: Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Pahang berjaya menyekat api kebakaran hutan paya gambut di Jalan Pekan-Nenasi dekat Sungai Miang, di sini daripada terus merebak ke kawasan lebih luas.

Penolong Pengarah Operasi JBPM Pahang, Ismail Abdul Ghani, berkata kebakaran terbabit telah memusnahkan kira-kira 30 hektar kawasan hutan paya gambut yang bersempadan dengan projek ladang kelapa sawit.

Katanya, operasi memadam kebakaran dilakukan anggota Balai Bomba Pekan, secara berterusan sejak kebakaran berkenaan dikesan berlaku pada awal Ramadan lalu.

Beliau berkata, kawasan terbabit sebelum ini sudah tiga kali berlaku kebakaran, cuaca panas menjadi faktor utama kebakaran mudah berlaku di kawasan terbabit.

"Setiap hari 12 anggota Balai Bomba Pekan dibantu 13 pekerja ladang kelapa Yayasan Pahang melakukan aktiviti memadam dan mengawal kebakaran daripada terus merebak manakala enam unit pam air digunakan untuk kerja menyembur air.

"Aktiviti memadam kebakaran di hutan paya gambut perlu lebih berhati-hati, kerana pada bila-bila masa kemalangan boleh berlaku pada anggota. Selain pokok tumbang, kejadian tanah jerlus dan binatang berbisa mengancam keselamatan setiap petugas," katanya.

Beliau berkata demikian selepas meninjau operasi memadam dan mengawal kebakaran hutan paya gambut di Jalan Pekan-Nenasi dekat Sungai Miang, hari ini.

Hadir sama, Pemangku Ketua Balai Bomba Pekan, Wan Samsul Effendi Wan Mahmud.

Ismail berkata, asap terdapat dalam hutan paya gambut yang terbakar tidak bermakna api berada di bawah tanah, asap muncul kemungkinan disebabkan bara api pada kayu reput dan kompos atau bahan organik dalam tanah.

Katanya, pembinaan empangan air dan sistem perparitan oleh pemaju ladang kelapa sawit melancarkan lagi usaha mengawal serta memadam kebakaran, pam digunakan untuk menyedut air daripada parit.

"Kita akan terus menjalankan operasi memadam dan mengawal kebakaran hutan paya gambut di Jalan Pekan-Nenasi dekat Sungai Miang sehingga 100 peratus api padam, operasi tidak boleh ditamatkan selagi ada asap dan bara api.

"Kita turut mengharapkan hujan lebat berlaku di daerah ini, taburan hujan yang banyak di kawasan terbabit boleh meningkatkan paras dalam tanah, seterusnya dapat memadam api," katanya yang percaya hujan lebat dalam masa 20 hingga 30 minit sahaja sudah dapat memadam api.